



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI** D.S.I.S.  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN KEMPEN**  
**KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA HARI KEBANGSAAN**  
**DAN HARI MALAYSIA 2023**

**15 OGOS 2023 | SELASA**

**8.30 PAGI | DATARAN MPS**

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

**Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi**

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri**

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama untuk berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan Ogos dan Sambutan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Majlis Perbandaran Selayang sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia majlis pada pagi ini, sesungguhnya penganjuran majlis ini membuktikan komitmen dan semangat kerjasama yang tinggi antara warga MPS.

### **TERIMA KASIH PETUGAS SPR**

3. Sebelum saya berucap lebih lanjut, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pegawai dan petugas SPR yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Selangor ke-15 pada 12 Ogos yang lepas telah dilaksanakan dengan lancar dan baik.
4. Walaupun dengan cuaca yang panas, namun saya lihat semua tetap komited dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing. Semoga segala usaha keringat dalam menjalankan tugas akan dinilai sebagai amal soleh. InsyaAllah.

## **SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MPS**

5. Kita semua sedia maklum bahawa bulan Ogos adalah bulan yang sangat sinonim dengan Kemerdekaan. Perkataan 'Merdeka' sebagaimana diertikan dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan dan sebagainya. Ia juga bermaksud lepas daripada tebusan atau turutan serta berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain.
6. Sebagai contoh, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah seorang tokoh yang tidak dapat dilupakan dengan perjalanan yang berliku untuk kita meraih kemerdekaan Malaysia. Beliau yang dikenali sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia, merupakan individu yang penuh dengan semangat dan wawasan. Dengan kebijaksanaan yang beliau miliki, beliau dapat berunding dengan pihak penjajah Inggeris dan akhirnya Hari Kemerdekaan Malaysia telah dideklarasikan pada 31 Ogos 1957. Hari tersebut menandakan permulaan bagi perjalanan kita sebagai sebuah bangsa yang bebas dan berdaulat.
7. Melalui khidmat kemerdekaan yang kita kecapai hasil daripada pengorbanan generasi terdahulu, kita hari ini dapat hidup dengan lebih selesa, harmoni dan makmur serta bertolak ansur dalam menjalinkan hubungan sekaligus memperkukuhkan perpaduan kaum. Namun, kemerdekaan tidak cukup untuk kita ingati bahkan sambutan yang kita

adakan pada setiap tahun adalah perlu untuk kita menyuburkan semangat patriotisme dalam diri kita dan generasi yang akan datang.

8. **‘Malaysia Madani : Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan’** telah dipilih sebagai tema Hari Kebangsaan ke-66 yang bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Tema ini juga adalah simbol pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi dan khazanah.

9. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 178:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ  
بِالْأُنثَىٰ فَمَنْ عَفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْهُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ۗ ذَٰلِكَ  
تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۗ فَمَنْ اعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

*Bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu (melaksanakan) qisas berkenaan dengan orang yang dibunuh. Orang merdeka dengan orang merdeka, hamba sahaya dengan hamba sahaya, perempuan dengan perempuan. Tetapi barangsiapa memperoleh maaf dari saudaranya, hendaklah dia mengikutinya dengan baik, dan membayar diat (tebusan) kepadanya dengan baik (pula). Yang demikian itu adalah keringanan dan rahmat dari Tuhanmu.*

*Barangsiapa melampaui batas setelah itu, maka ia akan mendapat azab yang sangat pedih.”*

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

10. Sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ini juga, MPS menyeru kepada semua bangunan kerajaan, pemilik premis perniagaan, premis swasta serta rumah kediaman di seluruh kawasan pentadbiran MPS untuk menyokong kempen ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang.
11. Selain itu, sebentar lagi juga kita semua bakal menyaksikan pelancaran t-shirt sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia di mana t-shirt ini akan diberikan kepada seluruh kakitangan MPS dan akan dipakai pada setiap hari Jumaat sepanjang kempen ini berlangsung iaitu pada 15 Ogos hingga 15 September 2023 sebagai tanda sokongan dan semangat patriotisme dalam kalangan kakitangan MPS.
12. Disamping itu, MPS juga akan menganjurkan Pertandingan Menghias Jabatan sepanjang kempen ini berlangsung. Jabatan diminta untuk menghias ruang pejabat masing-masing dengan bendera Jalur Gemilang secara kreatif dan inovatif. Pemenang bagi pertandingan ini akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM500 bagi tempat

pertama, RM300 bagi tempat kedua, RM200 bagi tempat ketiga dan RM100 bagi saguhati kepada 15 Jabatan.

13. Marilah kita bersama-sama menjadikan Malaysia sebagai negara yang kita cintai dan hormati. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, mari kita bersama-sama menggembelng tenaga untuk memajukan negara ini dengan pelbagai cara yang kita mampu, demi kejayaan dan kesejahteraan bersama. Ayuh kita terus menghayati semangat patriotisme sebagai sebuah negara merdeka.

### **PELANCARAN TIGA KENDERAAN BAHARU MPS**

14. Untuk makluman, dua unit van jenama MAXUS akan akan diserahkan kepada Jabatan Penguat Kuasa dan Keselamatan MPS sebagai kenderaan rasmi jabatan. MPS juga telah membeli 1 unit kereta elektrik (EV) jenama BYD ATTO 3 nagi mengangkat imej MPS sebagai bandar pintar yang mampan dan rendah karbon.
15. Kereta elektrik bukan sahaja canggih, tetapi juga sebuah kenderaan yang akan membawa kita ke arah pengangkutan yang lebih lestari, efisien, dan pintar. Melalui inovasi ini, kita bergerak ke hadapan dengan visi kelestarian alam dan perubahan positif.

## **SUKAN ANTARA JABATAN**

16. Untuk makluman juga, Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS akan menganjurkan Karnival Sukan Antara Jabatan Peringkat MPS Tahun 2023. Karnival yang mempertandingkan 9 acara sukan seperti sepak takraw, bola jaring, bola sepak, dart dan sebagainya ini akan berlangsung secara berperingkat bermula Ogos sehingga Disember 2023.
17. Saya menyeru kepada semua untuk mengambil bahagian dalam sukan-sukan tersebut kerana ia bukan sahaja tentang aktiviti fizikal semata-mata; ia membawa manfaat yang mendalam kepada individu dan keseluruhan jabatan.

YAD Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

18. Akhir sekali saya ingin menyeru kepada semua warga MPS agar dapat memberi sokongan dan tunjukkan kita bersungguh-sungguh menyambut bulan Kebangsaan ini. Sama-samalah kita mengibarkan Jalur Gemilang sebagai menyahut seruan kerajaan.
19. Disini saya juga ingin menjemput semua warga MPS untuk bersama-sama menyambut Hari Kemerdekaan ke-65 Peringkat Negeri Selangor yang akan diadakan pada 30 Ogos 2022 ini bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.



20. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan program pada pagi ini. Di sini saya sekali lagi mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-66 kepada semua Ahli Majlis dan semua warga kerja Majlis Perbandaran Selayang.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim.... dengan ini saya merasmikan Kempen Kibar Jalung Gemilang Peringkat Majlis Perbandaran Selayang sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.